

Drama Sebagai Pedagogi dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah

Irmawati Mascom
Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura
& Sekolah Menengah Tanglin

Nota Berkenaan Penulis
Irmawati Mascom, Guru Kanan, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah
Tanglin & Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura

Untuk segala bentuk pertanyaan mengenai kertas kerja ini, sila hubungi
Irmawati Mascom, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Tanglin, 301 West
Coast Road Singapore 127391

Sila hubungi: irmawati_mascom@moe.edu.sg

ABSTRAK

Semakan Bahasa Ibunda 2010 yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Singapura mendedahkan bahawa semakin ramai para pelajar yang belajar bahasa Ibunda, termasuk Bahasa Melayu, yang menggunakan bahasa Inggeris di rumah. Lantas, para pendidik kini berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk merangsang minat pelajar mempelajari bahasa Melayu. Pelbagai cara telah diusahakan untuk memastikan para pelajar berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Kertas ini membentangkan kajian yang telah dijalankan oleh dalam Program Drama Seronok di Sekolah Menengah Tanglin. Kaedah drama sebagai pedagogi dalam pembelajaran Bahasa Melayu ini disesuaikan daripada seni drama. Teknik-teknik drama diterapkan dalam pelajaran dan tidak memerlukan pelajar-pelajar mempersembahkan pementasan drama. Drama dalam kelas melibatkan semua pelajar dan guru meneroka dunia rekaan. Pada awalnya, beberapa teknik drama digunakan untuk mewujudkan elemen seronok dalam kelas Bahasa Melayu. Melihat pelibatan para pelajar yang positif di dalam kelas, wujudlah program Drama Seronok, Pembelajaran Melalui Drama. Program ini bertujuan merangsang minat dan meningkatkan pelibatan para pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Selain itu, pembelajaran melalui drama juga diharapkan dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam subjek Bahasa Melayu, terutama dari sudut kemahiran bertutur dan menulis. Para pelajar Menengah 3 telah dipilih untuk menjadi kumpulan sasaran bagi kajian ini. Para pelajar telah diuji melalui penilaian formatif dan sumatif melalui praujian dan pascaujian bagi kumpulan tunggal. Teknik-teknik drama telah digunakan dalam kelas dengan memberi tumpuan pada interaksi yang berlaku antara pelajar dan guru untuk meneroka dan memperluaskan idea semasa bertutur dan menulis. Pengalaman belajar daripada teknik-teknik drama itu telah banyak menyumbang kepada peningkatan keyakinan pelajar bertutur dan juga isi penulisan karangan naratif yang lebih imaginatif. Dapatan daripada markah penilaian menunjukkan perbezaan markah purata yang meningkat dengan ketara. Dapatan daripada maklum balas pelajar juga jelas menunjukkan pelajar lebih teruja untuk terlibat dalam pembelajaran bahasa Melayu. Melalui pengalaman ini, drama juga didapati berkesan sebagai kaedah holistik dalam pembelajaran bahasa Melayu yang masih lagi boleh diselidik untuk kajian lanjutan.

Kata Kunci: Drama, Penglibatan, Penerokaan, Penerangan, Penjelasan, Penilaian

Pengenalan

Latar

Semakan Bahasa Ibunda 2010 yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Singapura mendedahkan bahawa semakin ramai para pelajar yang belajar bahasa Ibunda, termasuk Bahasa Melayu, yang menggunakan bahasa Inggeris di rumah. Lantas, para pendidik kini berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk merangsang minat pelajar mempelajari bahasa Melayu. Pelbagai cara telah diusahakan untuk memastikan para pelajar berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Merujuk kepada sukatan pelajaran Bahasa Melayu, hasil pembelajaran Bahasa Melayu tercapai apabila pelajar mencakupi kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Dengan penegasan pada pendekatan komunikatif, pelajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai lebih menegaskan aspek fungsional dan penggunaan bahasa secara interaktif. Dengan itu, para pendidik perlu merangsang minat pelajar melalui pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar agar hasil pembelajaran tercapai.

Drama Dalam Pembelajaran

Drama Seronok! merupakan satu pakej pembelajaran yang menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan menggabungkan unsur-unsur seni drama sebagai pedagogi dalam pengajaran bahasa Melayu bagi mempertingkatkan kemahiran mendengar, bertutur, dan merangsang idea dalam menulis karangan naratif.

Unsur-unsur atau teknik-teknik yang diambil daripada bentuk seni drama digunakan oleh guru sebagai kaedah pengajaran bagi usaha 'Kurang Mengajar, Lebih Belajar' (*Teach Less Learn More* - TLLM), iaitu sebagai tujuan untuk menghidupkan suasana pembelajaran berpusatkan dan melibatkan pelajar atau *engaged learning*. Program Drama Seronok! ini adalah usaha pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu secara holistik dengan tumpuan kepada mempertingkatkan kemahiran bertutur dan membina idea bagi penulisan karangan naratif.

Mengapa Drama?

Untuk mewujudkan satu suasana pembelajaran yang menyeronokkan dalam bilik darjah, guru telah menggunakan satu teknik main peranan pada awal pembelajaran sebelum pakej Drama Seronok! dimulakan. Tinjauan guru secara rambang memperlihatkan pelajar lebih aktif dan ingin mengambil bahagian dalam pembelajaran yang melibatkan mereka dalam pembelajaran. Dengan ini, wujudlah pakej pelajaran melalui drama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kaedah pengajaran ini diharapkan dapat menghidupkan suasana pembelajaran berpusatkan dan melibatkan pelajar atau *'engaged learning'*. Drama merupakan satu alat yang berguna untuk menarik perhatian para pelajar. Dengan menggunakan teknik-teknik daripada seni drama, para pelajar dan guru dapat meneroka alam rekaan yang menggalakkan pemikiran terbuka dan kreatif. Keadaan dalam bilik darjah tidak lagi merupakan bilik darjah tradisional dengan guru memainkan peranan pemberi ilmu dan pelajar menjadi pasif mendengar dan menuruti pengajaran guru. Guru dilihat sebagai pendorong dan pemudah cara dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

Para pelajar diharapkan menjadi lebih kreatif dan lebih terbuka dalam mengorak pembelajaran mereka dalam subjek ini. Terdapat banyak kajian awal yang telah menunjukkan keberkesanan drama dalam pembelajaran bahasa yang menumpukan pada keyakinan pelajar

bertutur di dalam bilik darjah. Pelajar juga diharapkan dapat menjana idea dengan lebih kreatif lagi bagi membantu mereka dalam penulisan, sekaligus mendalami minat dalam seni dan budaya Melayu.

Tinjauan Bahan Rujukan

Drama dalam pendidikan tidak mementingkan hasil atau persembahan tetapi proses dan penganbilan bahagian pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Drama di sini bukan juga untuk tujuan menunjukkan bakat untuk dipersembahkan kepada penonton. Dalam bilik darjah biasa, pembelajaran di sekolah biasanya berpusatkan penambahan fakta atau pengetahuan. Pelajaran bahasa Melayu pula biasanya lebih berpusatkan guru (*teacher-centred teaching*). Drama juga dapat membantu pelajar membentuk pengetahuan atau perkara yang didedahkan guru pada perspektif baharu. Menurut Kao & O'Neill (2000) "...drama gives students the vicarious experience of a variety of situations, attitudes, roles and worlds. When students are involved in creating and maintaining dialogues in fictional dramatic situations – the primary purpose of drama – a range of significant learning occur."

Melalui drama juga, para pelajar lebih tededah kepada pengalaman belajar secara langsung. Menurut Bowell & Heap, "...drama provides for a first-hand learning experience. In creating a world within drama and inviting children to invest directly and actively something of themselves in it, the teacher creates opportunity for understanding to be perceived which is directly transferable to the real world..." (Bowell & Heap, 2001). Melalui aktiviti drama, guru dapat mengajak pelajar menyelami dunia rekaan di mana pelajar dapat menjana idea sendiri untuk menggerakkan aktiviti pembelajaran.

Selain itu, pelajar juga dapat mengalihkan pengalaman belajar melalui penulisan karangan. Semasa berinteraksi dalam aktiviti drama, pelajar juga terdedah kepada isu-isu yang autentik dan bukan dalam dunia khayalan. "*The drama process draws upon this natural ability to create imaginary situations through which to explore real experiences; upon our ability to willingly suspend disbelief...*" (Bowell and Heap, 2001). Setiap isu yang diketengahkan dalam tema-tema pembelajaran di sekolah sama ada melalui buku teks atau soalan-soalan peperiksaan merupakan isu-isu sebenar. Natijahnya, drama dapat menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dalam situasi yang sebenar.

Dalam aktiviti pembelajaran melalui drama, para pelajar akan terdedah kepada peluang untuk menggunakan bahasa yang baik untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan. Selain mengasah minda untuk memikirkan idea-idea untuk menggerakkan drama tersebut, pelajar harus menuturkan idea-idea tersebut. Secara tidak langsung, setiap pelajar diberi peluang bersuara semasa aktiviti pembelajaran. "*Drama provides opportunities to use (and through using, improve) language for more effective expression, to learn to co-operate with other people and take instructions, to learn to be self-disciplined and responsible, to see things in a different way, and to try out ideas in a safe environment...*" (Soh, 1999). Suatu situasi yang jarang kita lihat dalam bilik darjah konvensional.

Apabila teknik-teknik drama digunakan di dalam bilik darjah, para pelajar akan berasa bahawa mereka mempunyai 'suara' dan mereka pasti bertutur dan berinteraksi antara satu sama lain dalam situasi dan peranan yang berbeza. Dengan itu para pelajar digalakkan berfikir untuk menjana idea mereka sendiri dan untuk menggerakkan keupayaan main peranan tersebut tanpa terikat dengan kandungan buku teks. Malah, pelajar digalakkan meluaskan peranan dan mengembangkan idea sendiri dan idea rakan-rakan. Dengan guru yang juga turut

serta dalam drama tersebut, para pelajar akan berasa selamat kerana tidak akan terancam dengan kehadiran guru, malah akan lebih yakin mengutarakan idea mereka. Oleh itu, pelajar dapat memahami sesuatu perkara atau isu yang diketengahkan dengan lebih mendalam lagi. Mentelah, pelajar dapat mengasah kemahiran mendengar dan bertutur, juga memindahkan pemahaman tersebut kepada aktiviti penulisan. Dalam kajian mencari keberkesanan drama dalam penulisan, McNaughton mendapati kanak-kanak yang aktif dalam pembelajaran melalui drama dapat menulis dengan lebih baik, “...*McNaughton (1997) has observed that children who engage in drama before writing, write more effectively and at a greater length than those engage in discussion alone.*” (Grainger, Gooch and Lambirth, 2005).

Dalam usaha guru menyemarakkan lagi minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah, drama sebagai pedagogi diharapkan dapat menggalakkan pelajar berfikir dan bertutur dengan lebih yakin dan baik. Justeru dapat mengalihkan pandangan dan idea yang dijana ke dalam penulisan mereka. Lantas, kajian ini bertujuan mengkaji kesan drama sebagai alat pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Metologi Penyelidikan

Corak Penyelidikan

Program ini dimulakan bagi para pelajar Bahasa Melayu di peringkat Menengah 1, 2 dan 3 aliran Ekspres. Namun begitu, untuk tujuan kajian, guru mengumpul data hanya dari kelas Menengah 3 Ekspres. Corak penyelidikan yang digunakan ialah praujian dan pascaujian

Prosedur Kajian

Guru yang terlibat dalam program ini telah menjalani kursus/bengkel *Drama Sebagai Pedagogi* untuk mempelajari teknik-teknik drama yang boleh diterapkan dalam pengajaran. Melalui kursus-kursus yang disertai, guru telah membina pakej pengajaran dan pembelajaran dengan menerapkan teknik-teknik drama dalam kurikulum sekolah. Guru telah memilih petikan daripada buku teks kurikulum di sekolah dan telah mengubah suai kaedah pengajaran untuk memuatkan teknik-teknik drama dalam pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Bagi persediaan di sekolah, guru telah menyediakan peralatan mengajar dan drama bagi mewujudkan suasana yang menyeronokkan dalam bilik darjah (sesuai dengan tema drama). Bilik darjah utama yang menjadi ‘bilik drama’ ialah sebuah kelas bahasa Melayu yang sudah pun dilengkapi dengan props dan ruang yang luas. Peralatan-peralatan yang disediakan ialah seperti Papan Carta, kostum (seperi topi, tali leher, selendang dsb), kad peranan, fail peranan dan sebagainya. Tempat duduk pelajar dan meja-meja di dalam kelas tersebut juga diubah susunannya agar tempat menjadi luas agar pelajar boleh menjadi lebih selesa apabila mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran.

Pada awal pelajaran bagi pelajaran pertama, guru menarik minat pelajar untuk mengikuti aktiviti pembelajaran melalui drama dengan menerangkan hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Kemudian guru menerangkan beberapa peraturan yang harus dipatuhi pelajar; iaitu setiap pelajar harus mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran sepanjang program ini. Pelajar juga diminta merelakan guru memainkan peranan dalam aktiviti tersebut dan pelajar tidak harus menganggap guru sebagai ‘guru’ seperti hari-hari sebelum itu. Hal ini dilakukan agar pelajar tidak terlalu terkejut dan kaku apabila melihat guru memainkan peranan bersama pelajar.

Semua rancangan pengajaran guru dicipta dengan menggunakan teknik-teknik seni drama berikut dan juga pendekatan Lima P seperti yang berikut.

Teknik Drama yang digunakan

Terdapat banyak teknik drama yang diterapkan daripada seni drama yang boleh digunakan dalam bilik darjah. Antara teknik-teknik yang digunakan dalam program ini ialah seperti berikut (Rujukan: Dunn & O'Toole, 2002).

- *Sculpting* (Mengukir Patung) - pelajar memaparkan perasaan, idea atau pendapat melalui anggota tubuh mereka seperti sebuah ukiran yang dibentuk oleh seorang pelajar yang lain tanpa berkata-kata.
- *Freeze frames* (Bingkai Beku) - pelajar menunjukkan dengan anggota tubuh mereka secara fizikal akan gambaran idea, pendapat, keadaan atau imej sesuatu kejadian, umpama gambar yang dipetik melalui kamera tanpa berkata-kata.
- *Tap and Talk* (Sentuh dan Bertutur) - digunakan bersama *freeze frames*; apabila disentuh, pelajar bertutur (frasa atau satu ayat sahaja).
- *Hot seat* (Kerusi Panas) - seorang atau lebih daripada seorang pelajar atau guru memainkan peranan seorang watak dalam teks dan menjawab soalan-soalan yang ditanya oleh pelajar lain (peranan sebagai wartawan, kaunselor dsb) mengenai kejadian, perasaan atau pendapat watak berkenaan.
- *Role on the Wall* (Tembok Peranan) - para pelajar menulis perasaan watak di papan tulis.
- *Improvisations* (Improvisasi) - menunjukkan perasaan secara spontan terhadap sesuatu perkara tanpa skrip.
- *Conscience Alley* (Lorong Suara Hati) - seorang watak, biasanya guru, berjalan di antara dua barisan pelajar-pelajar dan setiap pelajar menyuarakan pendapat atau saranan mereka.
- *Process drama /Teacher in Role* (Guru dalam Peranan) - guru mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti drama dan membentuk cereka dalam drama tersebut sebagai seorang watak mengikut konteks.

Pendekatan Lima P (*Five E Approach*)

Aktiviti drama yang dilakukan dalam pembelajaran harus mencakupi beberapa waktu pelajaran, bukan hanya satu waktu pelajaran sahaja. Guru akan mula nampak keberkesanan drama dalam proses pembelajaran pelajar apabila pelajar sudah terdedah kepada aktiviti drama sekurang-kurangnya enam jam. Pendekatan yang digunakan dalam perancangan skema pengajaran ialah Lima P (*Five Es*). “*Each of the 5 Es describes a phase of learning, and each phase begins with the letter ‘E’: Engage, Explore, Explain, Elaborate, and Evaluate. The 5 Es allow students and teachers to experience common activities, to use and build on prior knowledge and experience, to construct meaning, and to continually assess their understanding of a concept...*” (Stinson, 2005).

Terdapat lima tahap pembelajaran melalui drama. Pendekatan ini boleh membuat pelajar dan guru melalui pengalaman pembelajaran yang sama dan membina pengetahuan yang sedia ada untuk memberi makna serta menilai pemahaman dalam konteks yang diberikan guru melalui aktiviti drama.

1. Tahap Penglibatan (*Engage*) - Untuk memulakan penglibatan, pelajar harus tertarik pada aktiviti drama yang ingin dijalankan. Pelajar harus digalakkan agar membina kepercayaan terhadap konteks drama dan watak-watak yang akan dimainkan. Biasanya bermula dengan pembacaan prateks yang akan digunakan untuk mengembangkan idea pelajar kerana drama harus mengenai sesuatu (lantas prateks harus disediakan).
2. Tahap Penerokaan (*Explore*) - Pada tahap ini, pelajar akan melalui penerokaan drama. Pelajar akan mengambil bahagian dalam aktiviti drama dan memainkan watak-watak dramatik melalui teknik-teknik drama yang dipilih guru. Aktiviti drama mengembang daripada prateks yang digunakan pada tahap permulaan. Pelajar akan menjana dan mengembang idea mereka dan rakan-rakan serta meneroka pengalaman dalam bilik darjah.
3. Tahap Penerangan (*Explain*) - Semasa meneroka pembelajaran melalui aktiviti drama, pelajar akan mengembangkan idea mereka dan meneroka penerangan aksi mereka tanpa disedari semasa memainkan peranan.
4. Tahap Penjelasan (*Elaborate*) - Pada tahap ini pelajar akan menjelaskan lebih lanjut perkara-perkara yang dilakukan dalam aktiviti drama. Mereka akan menjelaskan idea-idea, pertuturan atau aksi mereka semasa memainkan peranan agar difahami rakan-rakan yang lain. Tahap ini juga penting untuk mempersiapkan pelajar membuat inferens perkara yang dipelajari.
5. Tahap Penilaian (*Evaluate*) - Selepas aktiviti drama pelajar akan merenung dan berfikir, lantas membuat inferens mengenai perkara yang dipelajari selama beberapa waktu pelajaran. Biasanya pelajar akan juga menilai pembelajaran mereka dengan menulis jurnal atau dinilai dengan membuat tugas, sebagai contoh menulis karangan dengan menerapkan idea-idea daripada aktiviti drama (Penilaian formatif dan sumatif).

Pemantauan Hasil Pembelajaran Pelajar

Guru memantau hasil pembelajaran melalui penilaian formatif dan sumatif dalam tahap-tahap berikut:

Praujian

Sebelum program Drama Seronok! dimulakan, pelajar menduduki ujian karangan naratif dan lisan. Guru memarkahkan karangan dengan merujuk kepada rubrik penilaian karangan. Ujian ini juga membentuk ujian sekolah yang diambil kira dalam markah peperiksaan (Common Assessment Test).

Jurnal Renungan

Semasa program dijalankan, pelajar dikehendaki menulis renungan dalam bentuk jurnal mengenai perkara-perkara yang dipelajari pada setiap pelajaran.

Pascaujian

Pada akhir program ini pelajar menduduki ujian karangan dan lisan. Walaupun soalan berbeza daripada ujian pertama, namun genre karangan naratif dan bentuk soalan lisan sama. Agak mustahil untuk memberi ujian yang sama kepada para pelajar.

Penilaian program

Pada akhir program ini, pelajar juga mengisi borang penilaian, senarai soalan yang bertanyakan pendapat pelajar mengenai program ini dan juga satu tinjauan program.

Dapatan Kajian

Analisis Praujian dan Pascaujian

Kesan program Drama Seronok! Dapat dilihat melalui analisis hasil ujian-ujian yang telah dijalankan.

Jadual 1: Perbandingan markah purata Praujian dan Pascaujian

Kumpulan Kajian	Purata Praujian	Purata Posujian	Perbezaan	Kesan (Saiz) (Effect Size)
Markah Ujian Penulisan Naratif	57.4 SD (2.13)	61.58 SD (3.78)	2.1	0.96
Markah Ujian Lisan	26.9 SD (2.68)	30.1 SD (2.92)	3.2	1.23

Seperti yang tercatat di atas, markah purata praujian dan pascaujian menunjukkan peningkatan markah dan terdapat perbezaan yang ketara. Walaupun perbezaannya kecil (2.1 dan 3.2), nilai statistik ini menunjukkan program ini berkesan dan memberikan hasil yang positif. Seterusnya, saiz kesan (*effect size*) mengikut kriteria Cohen ialah 0.96 dan 1.23 yang menunjukkan program drama ini memberikan kesan atau impak yang besar. Oleh itu, kelakonan pelajar-pelajar dalam kumpulan kajian ini menunjukkan kemajuan yang dapat dikira (melalui analisis statistik) hasil program drama ini. Kesimpulannya, kaedah drama sebagai pedagogi berkesan dalam menambah nilai hasil pembelajaran pelajar.

Maklum Balas Pelajar

Pada akhir program Drama Seronok! pelajar-pelajar mengisi borang maklum balas dan memberikan pendapat mereka tentang aktiviti pembelajaran yang dijalankan dalam bilik darjah. Berikut adalah analisis maklum balas yang diterima.

Jadual 2: Maklum Balas Pelajar

Drama...	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)
membuat pembelajaran lebih menyeronokkan	83.3%	16.7%
membuat pelajar lebih yakin untuk bertutur dalam kelas	53.3%	46.67%
menggalakkan rakan-rakan belajar lebih aktif dalam kelas	83.3%	16.7%
memberikan pelajar peluang untuk mengutarakan idea	83.3%	16.7%
membantu pelajar mendapat idea untuk menulis karangan	83.3%	16.7%
membantu pelajar meluaskan pendapat sendiri dan rakan	83.3%	16.7%
memberikan lebih banyak peluang untuk pelajar dan guru berinteraksi antara satu sama lain	66.7%	33.3%
menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Melayu lebih kerap di dalam kelas	83.3%	16.7%

Gambar-gambar Aktiviti Pembelajaran



Pemerhatian guru semasa aktiviti pembelajaran dijalankan menunjukkan pelajar berasa amat seronok belajar. Semua pelajar mahu terlibat dalam aktiviti pembelajaran dan terlihat keberkesanan kaedah ini.

Kesimpulan

Kesimpulan daripada Maklum Balas Pelajar

Maklum balas pelajar-pelajar menunjukkan peluang pembelajaran wujud dalam kelas semasa pengajaran melalui drama dijalankan. Keberkesanan program ini ketara melalui maklum balas pelajar-pelajar yang menunjukkan bahawa lebih banyak peluang yang diberikan untuk meluaskan idea dan pendapat dalam kelas. Maklum balas itu juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar sedar akan kepentingan berinteraksi dan berkomunikasi di dalam kelas supaya dapat membuat keputusan yang wajar semasa dalam peranan. Pelajar juga berpendapat kaedah ini dapat membina keyakinan diri mereka untuk bertutur. Ini dapat membantu pelajar-pelajar yang kurang bertutur dalam bilik darjah.

Berikut merupakan tukilan renungan dan maklum balas dua orang pelajar;

Idea untuk belajar sambil berlakon amat baik dan harus dilakukan selalu kerana secara tidak langsung ia membuat kami menyumbang idea. Ia membuat saya menulis dengan tanggapan dan perasaan apabila saya sedang berlakon dan ini membuat tulisan saya lebih bagus kerana saya faham benar teks yang digunakan. ~ Azmir

Aktiviti ini membolehkan saya mendapat inspirasi dan idea untuk digunakan dalam menulis dengan baik. Kami lebih saya seronok ketika aktiviti drama dijalankan. Semua pelajar mengambil bahagian dan juga menyumbang idea mereka. Aktiviti ini juga merapatkan hubungan kami semua. Saya juga rasa, rakan saya yang sukar bertutur pada mulanya, mula mengambil bahagian secara aktif dalam kegiatan yang dijalankan.~ Khairunnisa

Kesimpulan daripada Pemerhatian Guru

Berikut pula ialah pemerhatian guru-guru dalam melaksanakan program Drama Seronok!

1. Guru harus bersedia dan mempunyai kemahiran teknik-teknik drama. Guru harus menghadiri kursus atau bengkel Drama Sebagai Pedagogi dahulu untuk lebih mengetahui teknik-teknik drama dan cara-cara yang berkesan untuk menerapkannya dalam pengajaran.
2. Jumlah pelajar dalam setiap kelas agak kecil (20 pelajar), oleh itu dapat memberikan kesan yang baik kerana para pelajar dapat berinteraksi dengan berkesan lagi. Oleh itu merapatkan lagi perhubungan antara satu sama lain dan dapat bekerjasama dengan baik. Guru juga mendapati lebih senang mengendalikan kelas tanpa mempunyai sebarang masalah disiplin atau sikap pelajar yang tidak mahu menurut serta.
3. Pelajar-pelajar harus diberitahu lebih awal akan tujuan guru mengajar menggunakan kaedah ini agar pelajar lebih bersedia. Tahap pertama bagi pengajaran melalui drama amat penting, iaitu penglibatan; pelajar harus dipujuk untuk melibatkan diri agar mereka lebih senang menurut serta dan ingin mengambil bahagian.

4. Bahan-bahan drama (*props*) yang mudah sahaja diperlukan. Guru tidak perlu menyediakan props atau kostum yang keterlaluan kerana perhatian pelajar mungkin akan terjejas. Mereka akan lebih memberi perhatian kepada kostum daripada konteks yang perlu diperkatakan dan tujuan pelajaran.
5. Guru pula tidak perlu terlalu berlebihan semasa berlakon dalam peranan. Guru hanya perlu menunjukkan satu simbol (topi, kad peranan, tali leher, dsb) untuk menunjukkan mereka dalam peranan dan tidak perlu memakai kostum atau berlakon secara keterlaluan.
6. Keberkesanan program ini boleh juga akibat kesan Hawthorne (Hawthorne Effect) di mana pelajar dengan secara tidak sedar akan memberikan kelakonan yang lebih baik kerana tahu bahawa program ini diharap dapat memberikan hasil yang lebih baik. Ini merupakan sifat semula jadi manusia terhadap penilaian.

Masa Hadapan

Sebagai usaha seterusnya, guru akan teruskan program ini memandangkan ia amat berkesan dan dapat dijadikan sebagai satu pembelajaran secara holistik. Dalam usaha seterusnya, guru akan meneroka penggunaan alat ICT, Newsmaker, bagi menarik minat pelajar yang kini lebih kreatif dan cenderung terhadap teknologi, sekaligus menyahut cabaran Kecekapan Abad ke-21. Namun, kaedah pengajaran berkesan harus dikekalkan tetapi alat penyampai idea mungkin boleh dipelbagaikan.

Rujukan

- Soh Kay Cheng & Tan Christopher (2008). *Workshop on Action Research: Transforming Teachers to Action Researchers*. Hongkong: Educational Leadership 21
- Bearne Eve (2002). *Making Progress in Writing*. New York: Routledge Falmer
- Bowell Pamela & Heap Brian S. (2001). *Planning Process Drama*. 1-55. London: David Fulton Publishers.
- Dunn Julie & O'Toole John (2002). *Pretending To Learn*. 2-33. Australia: Pearson Education Australia.
- Grainger Teresa, Gouch Kathy & Lambirth Andrew. (2005). *Creativity and Writing* 11-23, 101-119.
- Kao Shin-Mei & O'Neill Cecily (1998). *Learning a second language through process drama*. 2- 23. United States of America : Ablex
- Sew Jyth Wee (2003). *Drama pendidikan sebagai teknik pengayaan pengajaran Bahasa Melayu. Drama in Education as an enrichment technique for the teaching and learning of Malay language*. CHIJ ST Theresa's Convent
- Soh Kay Cheng & Hunter Mary Ann in *The Necessary Stage for Youth Branch* (1999).

Development through drama towards providing a holistic education in Singapore. 4 - 7, 11 Singapore.

Hodgson John (1977). *Improvisation and Literature*. 17 – 35. In Dodd Nigel & Hickson Winifred (1977). *Drama and Theatre in Education*. London : Heinemann.

Curriculum Policy and Pedagogy Unit, Curriculum Planning and Development Unit (2007) *The PETALS™ Primer*. 42-50. Singapore: Ministry of Education.

Sun, Ping-Yun (2003). *Using Drama and theatre to promote literacy development: Some basic classroom applications*. Eric Digest from <http://www.ericdigests.org/2004-1/drama.htm>

Stinson Madonna (2005). *Drama & Oral Communication*. National Institute of Education: Singapore. Singteach from <http://www.singteach.nie.edu.sg/content/view/52/137>